

MCI (P) 019/06/2024

AHAD, 10 NOVEMBER 2024 (8 JAMADILAWAL 1446)

Hospital swasta bakal kongsi rekod kesihatan jelang 2025

► NUR DHUHA ESOOF
nurdhuha@sph.com.sg

Kesemua sembilan hospital swasta di Singapura akan berkongsi rekod kesihatan pesakit mereka di satu wadah kebangsaan menjelang 2025 bagi memastikan kesinambungan penjagaan yang lebih baik merentas penyedia penjagaan kesihatan.

Sistem Rekod Kesihatan Elektronik Kebangsaan (NEHR) yang diperkenalkan pada 2011 itu mengumpul data kesihatan penting pesakit seperti diagnosis, ubat-ubatan, keputusan ujian makmal dan alahan ubat.

Dengan adanya sistem itu, pesakit tidak perlu mengulangi sejarah perubatan mereka kepada pelbagai penyedia penjagaan kesihatan, atau menjalani ujian berulang.

Poliklinik dan klinik perubatan umum (GP) swasta dalam program Healthier SG atau SG Lebih Sihat sudah pun menggunakan NEHR. Hospital swasta, bagaimanapun, belum melakukannya.



Menteri Kesihatan, Encik Ong Ye Kung (tiga dari kanan), melihat bagaimana peserta disaring semasa sambutan ulang tahun ke-20 kohort Kajian Kesihatan Penduduk Singapura yang diadakan di Bangunan Yayasan Tahir di Universiti Nasional Singapura (NUS) pada 9 November 2024. — Foto ST

ngendalikan 90 peratus beban kerja hospital akut di Singapura, juga sudah menggunakan NEHR. Hospital swasta, bagaimanapun, belum melakukannya.

“Kami baru-baru ini telah berunding dengan semua hospital swasta

kami, yang telah menyokong sebutul suara penggunaan NEHR,” kata Menteri Kesihatan, Encik Ong Ye Kung, dalam ucapannya pada acara ulang tahun ke-20 kohort Kajian Kesihatan Penduduk Singapura di Bangunan Yayasan Tahir di Universiti

Nasional Singapura (NUS) pada 9 November.

“Beberapa hospital telah mula bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan (MOH) untuk mempersiapkan sistem mereka bagi NEHR,” tambahnya.

Pada 2025, satu undang-undang baru yang mewajibkan sumbangan seluruh negara kepada NEHR dijangka diluluskan, kata Encik Ong.

Di bawah Rang Undang-Undang Maklumat Kesihatan baru itu, semua penyedia penjagaan kesihatan berlesen dan penyedia penjagaan yang diluluskan MOH, seperti ahli farmasi masyarakat perlu, menyumbang data kepada NEHR.

Rang undang-undang itu juga akan menubuhkan rangka kerja untuk mentadbir pengumpulan, akses, penggunaan dan perkongsian maklumat kesihatan yang selamat di seluruh ekosistem penjagaan kesihatan, kata MOH dalam satu kenyataan.

Pesakit mempunyai pilihan untuk tidak berkongsi data perubatan penting mereka dalam repositori nasional itu, kata Encik Ong.



Keluarga tunai umrah setelah 4 bulan pandu van dari S'pura ke Saudi
— Mukta 16

